



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA KERETA (C.1-2 EB.3)  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMERIKSA KERETA  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
C.1-2 EB.3 [\$1,280 - \$2,270 SEBULAN]  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang *Automobile / Information Technology (IT)* / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Penolong Pemeriksa Kereta atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai lesen memandu kelas 1, 3 dan 5 yang sah. Bagi yang mempunyai lesen memandu kelas 3 sahaja boleh dipertimbangkan dengan syarat mereka dikehendaki mendapatkan lesen memandu kelas 1 dan 5 semasa dalam tempoh percubaan.
3. Boleh memahami, menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memeriksa kelayakan dan membuat laporan pemeriksaan kenderaan persendirian dan perniagaan serta mengeluarkan sijil kelayakan (jika perlu) bagi tujuan untuk dilesenkan, didaftarkan, penggantungan nombor pendaftaran dan tukar hak milik kenderaan.
2. Memeriksa kenderaan milik kerajaan di luar kawasan JPD (jika diperlukan) bagi tujuan kelayakan untuk dilesenkan.
3. Membuat pemeriksaan dan laporan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan di balai-balai Polis dan menghadiri perbicaraan dimahkamah mengenainya jika diperlukan.
4. Bertugas di pos-pos kawalan sempadan (secara bergilir-gilir).
5. Bertugas di luar daerah / cawangan mengikut jadual yang ditetapkan.
6. Membuat sekatan jalan raya bersama dengan Unit Penguatkuasa JPD (jika diperlukan) dan pasukan Polis dari semasa ke semasa.
7. Menerima arahan dan tanggungjawab daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.